

BAHASA MELAYU



03 KATA NAMA

MOHAMED NAIM DAUPI



Perkataan dalam Bahasa Melayu boleh digolongkan kepada empat, iaitu:



KATA NAMA

Kata yang menyatakan nama orang, tempat, benda dan lain-lain lagi

KATA NAMA AM

KATA NAMA KHAS

KATA GANTI NAMA

PEMBENTUKAN KATA NAMA

KATA NAMA TUNGGAL

KATA NAMA TERBITAN

KATA NAMA IMBUHAN

KATA NAMA MAJMUK

KATA NAMA GANDA

KATA NAMA TUNGGAL

ialah perkataan yang terdiri daripada satu morfem bebas dan tidak mengalami pengimbuhan, pergandaan, dan pemajmukan. Contohnya:

dunia	zoo	wanita	kampung
keris	garam	tudung	belantara
keldai	negeri	pagar	demokrasi
gong	dam	lengkuas	malaikat dst.

KATA NAMA TUNGGAL

Kata Akronim boleh juga tergolong sebagai kata nama tunggal. Contoh:

MUIS	AMP	KGMS	ASAS 50
Mendaki	halaju	menlu	maun
maging	cerpen	debunga	jentolak
pawagam	kugiran	tadika	tajaka dst.

KATA NAMA IMBUHAN

ialah kata nama yang dibentuk daripada proses pengimbuhan. Imbuhan yang membentuk kata nama terbitan ini ialah:

awalan	akhiran	apitan	sisipan
peN-	-an	peN-an	-el-
peR-	-man	peR-an	-er-
ke-	-wati	ke-an	-em-
juru-	-wan		

KATA NAMA IMBUHAN

Awalan

peN	penyanyi	pensyarah	pengkhianat
pe	pesakit	petinju	pesuruh
peR	perburu	pertandang	pertapa
Ke	ketua	kekasih	kehendak
Juru	juruwang	jurukira	juruterbang

Akhiran

-an	makanan	bulatan	kurungan
-man	budiman	seniman	
-wan	hartawan	karyawan	olahragawan
-wati	seniwati	olahragawati	peragawati

KATA NAMA IMBUHAN**apitan**

peN-an

penyiaran

pendapatan,

pe-an

pesisiran

pekarangan

peR-an

perkampungan

perkuburan

ke-an

kerajaan

ketibaan

sisipan

-el-

telapak

kelangkang

-er-

seruling

keruping

-em-

kemuning

kemuncup

KATA NAMA IMBUHAN

Latihan : Gariskan Kata Nama Imbuhan

- 01 Pelayan restoran itu baik dan peramah.
- 02 Kekasih Puteri Diana seorang juruterbang.
- 03 Peniaga itu memarahi pembantunya.
- 04 Lukisan itu dilelong di majlis jualan amal.
- 05 Buah-buahan tempatan lebih enak dan berkhasiat.
- 06 Pendapatannya sebulan amat lumayan.
- 07 Pengajaran Cikgu Hanim sangat jelas.
- 08 Kerajaan akan membina taman di estet itu.
- 09 Ketibaan raja negeri itu disambut dengan mesra.
- 10 Saudagar itu mendapat keuntungan yang besar.

KATA NAMA IMBUHAN

Latihan : Lengkapkan dengan Kata Nama Imbuhan

- 01 Kapal itu belayar di _____ yang dalam.
- 02 _____ itu menyiapkan novel barunya.
- 03 _____ akan dibedah Doktor Ali.
- 04 Pak Lasim telah dilantik menjadi _____ kampung.
- 05 _____ itu meminta sedekah di luar masjid itu.
- 06 Dia belajar kerana _____ hampir menjelang.
- 07 Dia hendak mengatasi _____nya dalam sains.
- 08 _____ untuk tetamu telah tersaji di atas meja.
- 09 _____ yang mengawasi pesakit itu telah bersara.
- 10 _____ itu telah menjejakkan kakinya di permukaan bulan.

KATA NAMA MAJMUK

Kata nama majmuk ialah rangkaian dua morfem bebas atau lebih. Contoh:

Bentuk yang mantap :

jawatankuasa	antarabangsa	matahari
warganegara	tandatangan	tanggungjawab
olahraga	sukarela	kakitangan

Bentuk yang ditulis terpisah tetapi bertindak sebagai satu unit.

hari raya	tengah hari	kereta api
terima kasih	deria rasa	segi empat tepat
lipas kudung	makan angkat	reka bentuk

Yang menerima apitan, ditulis bercantum:

penanggungjawapan	kesetiausahaan
keibubapaan	penguatkuasaan

KATA NAMA GANDA

Kata Kerja juga diterbitkan melalui proses penggandaan, baik penggandaan penuh, separa, atau berentak:

Penggandaan Penuh

meja-meja	tadika-tadika
persatuan-persatuan	mata-mata pelajaran

Penggandaan Separa

Lelangit	tetamu
Tetikus	sesiku

Penggandaan Berentak

kuih-muih	sayur-mayur
saudara-mara	suku-sakat

TAMAT

03 KATA NAMA